

Sistem Saraan Malaysia ganti SSB

- Skim baru akan bermula 1 November
- Penilaian dibuat melalui peperiksaan, kursus
- Pergerakan Gaji Biasa dan Anjakan Gaji diperkenal

30 JUL 2002

Oleh Kadir Dikoh dan Anwar Patho Rohman

PUTRAJAYA, Isnin - Sistem Saraan Malaysia (SSM) akan menggantikan Sistem Saraan Baru (SSB) mulai 1 November ini, dengan memberi lebih banyak faedah, terutama bagi meningkatkan kecekapan dan pengetahuan serta peluang pengembangan kerjaya kepada kira-kira 950,000 kakitangan awam di seluruh negara.

SSM akan memperkenalkan kaedah dan unsur penilaian tahap kecekapan melalui peperiksaan atau

pada penilaian pekerja kakitangan oleh ketua jabatan.

"Kini ketua jabatan tidak ada hak mutlak perseorangan, sebaliknya penilaian tahap kecekapan dibuat melalui peperiksaan dan kursus yang diwajibkan," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan wakil Cuepacs dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di sini.

Hadir sama ialah Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri

Beri kenaikan pangkat tanpa had - Muka 2

kursus yang diwajibkan kepada semua kakitangan awam bagi menentukan kemajuan kerjaya dan kemajuan gaji tahunan, selain laporan penilaian prestasi tahunan serta perakuan ketua jabatan.

Serentak itu, dua cara pergerakan gaji diperkenalkan iaitu Pergerakan Caji Biasa dan Anjakan Caji. Bagi tahun depan, semua anggota perkhidmatan awam hanya akan diberi Pergerakan Caji Biasa. Anjakan Gaji berdasarkan Penilaian Tahap Kecekapan yang dihasilkan pada 2003, akan dilaksanakan mulai 2004.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengumumkannya hari ini berkata, perkara utama yang diambil kira dalam SSM ialah perasaan tidak puas hati dengan SSB berpunca ke-

Samsudin Osman; Ketua Pengarah JPA, Datuk Seri Jamaluddin Ahmad Damanhuri; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Samsudin Hitam dan Presiden Cuepacs, Datuk N Siva Subramaniam,

SSB diperkenalkan pada 1992 bagi menggantikan skim perkhidmatan di bawah Laporan Caji Jawatankuasa Kabinet sejak 1976. Bagaimanapun, majoriti kakitangan awam tidak berpuas hati terutama dengan Sistem Gaji Matriks SSB itu.

Mereka menyifatkan sistem itu sebagai tidak telus serta terdedah kepada pilih kasih dan tidak adil selain penetapan kuota hanya lima peratus daripada kakitangan awam mendapat gaji menegak dan melintang setiap tahun.

LIHAT MUKA 2

Kerajaan juga ubah suai Sistem Penilaian Prestasi

DARI MUKA 1

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, kakitangan awam diberi opsyen sama ada mahu kekal dalam SSB atau menerima SSM.

“Saya tak fikir ada banyak yang nak kekal dengan SSB pasal skim ini (SSM) lebih baik, (jika tidak) dia tak dapat RM15 tambahan sebulan. Opsyen kita bagi, kalau dah tak ada siapa terima SSB, dengan sendirinya dimansuhkan,” katanya.

Antara ciri utama lain dalam SSM ialah:

- Semua gelaran gred jawatan dan gred gaji sekarang disusun semula mengikut susunan angka numerik meningkat daripada 1 hingga 54;

- Sesuai dengan pelaksanaan Penilaian Tahap Kecekapan, Jadual Gaji Matriks bagi semua gred kenaikan pangkat diubah suai kepada dua peringkat saja;

- Ditambah satu mata gaji kepada mata gaji maksimum bagi semua jadual gaji;

- Kadar elaun dan kemudahan akan diselaraskan kepada satu kadar saja bagi setiap gelaran gred baru;

- Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal akan dibayar kepada empat skim perkhidmatan baru iaitu Pegawai Pergigian, Penolong Jurutera Laut, Pegawai Farmasi dan Penolong Penolong Pemeriksa Kilang dan Jentera, dan

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tidak lagi akan dikaitkan dengan pergerakan gaji tahunan anggota.

Perdana Menteri berkata, kerajaan terpaksa meminda tangga gaji untuk disesuaikan dengan SSM iaitu tambahan RM15 sebulan bagi kakitangan Kumpulan Sokongan, Kumpulan Penguru-

san dan Profesional (RM65) dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi (RM110).

Semua anggota perkhidmatan awam juga akan diberi bayaran khas SSM pada 1 November ini dan dibayar sekali saja pada kadar RM220 bagi Kumpulan Sokongan, Kumpulan Pengurusan dan Profesional (RM350) dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi (RM650).

“Kerajaan juga bersetuju mengubah suai Sistem Penilaian Prestasi. Untuk maksud mengawasi sistem penilaian ini, Panel Pembangunan Sumber Manusia ditubuh untuk setiap jabatan.

“Bagi memperbaiki kemajuan kerjaya, lima lapisan gred kenaikan pangkat tambahan diwujudkan,” katanya.

Mengenai Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, beliau menjelaskan, melalui SSM, penerimanya akan di-

bayar sekali gus RM1,000 dan juga sijil, tanpa menda-pat kenaikan gaji tahunan.

Beberapa syarat perkhidmatan turut diubah suai dalam SSM termasuk gaji permulaan anggota yang sudah disahkan dalam perkhidmatan dan kemudiannya dilantik ke dalam skim perkhidmatan lain, tidak terhad pada Peringkat 1.

Selain itu, tempoh percubaan dipinda kepada satu hingga tiga tahun, manakala pindaan dilakukan kepada pergerakan gaji kakitangan awam yang diluluskan cuti belajar bergaji penuh, cuti separuh gaji atau tanpa gaji.

Dr Mahathir berkata, pelaksanaan SSM akan mem-babitkan tambahan perbe-lanjaan kerajaan RM302.58 juta bagi tahun ini saja dan ia akan terus meningkat kepada RM600.76 juta tahun depan, RM719.25 juta (2004), RM846.13 juta (2005)

dan RM976.86 juta (2006).

Menjawab soalan, beliau berkata jumlah yang ditang-gung itu, walaupun satu be-banan tetapi masih dalam kemampuan kerajaan iaitu RM300 juta pada peringkat awal pelaksanaan SSM sehingga hampir RM1 bilion pada tahun kelima dan akan terus meningkat selepas itu.

“Ketika SSB diperkenal-kan 10 tahun lalu, kerajaan tidak membuat rundingan dengan Cuepacs walaupun kita mendengar pendapat mereka. Tetapi SSM adalah hasil rundingan antara Cuepacs dan JPA.

“Asas SSM ini ialah kece-kan dan pengetahuan se-seorang anggota perkhid-matan awam. Cuepacs memberi jaminan bahawa kakitangan awam akan terus meningkatkan prestasi dan jika mereka tidak me-ningkatkan prestasi, me-reka rugi,” katanya.

Mengenai tambahan gaji bulan minimum RM15, Dr Mahathir yang juga Penge-rusi Jawatankuasa Gaji dan Jawatan Kakitangan Sektor Awam menjelaskan, SSM bukan soal kenaikan gaji, se-baliknya susunan perkhid-matan baru lebih seimbang.

“Nanti ada orang yang gaji rendah...pangkat rendah da-pat tinggi. Kita kena tentu-kan ia selaras. Ini secara kebetulan bukan tujuan kita nak menaik gaji. Tak ada niat langsung nak naik gaji tapi apa boleh buat nak kena tambah juga.

“Malah, nertambahan gaji bulanan itu juga akan mem-beri kesan kepada kenaikan gaji pencen,” katanya.

Beliau berkata, melalui SSM, semua kakitangan awam diberi peluang untuk menentukan kemajuan ker-jaya dan pergerakan gaji ta-hunan selain laporan penila-ian prestasi tahunan serta perakuan ketua jabatan.